B576
PARLIMEN - PELABURAN
1980

KUALA LUMPUR, 17 JUN (BERNAMA) - KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTERIAN TELAH MELULUSKAN SEJUMLAH 130 PROJEK BARU HASIL DARI LAWATAN-LAWATAN ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN MALAYSIA KE 11 BUAH NEGARA SEJAK TAHUN 1978.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PROJEK-PROJEK TERSEBUT DIJANGKA MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA SERAMAI 25,400 ORANG.

DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK P. PATTO (DAP-MENGLEMBU) DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRI/ BERKATA NEGARA-NEGARA YANG DILAWATI OLEH ROMBONGAN-ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN ITU YANG DIKETUAINYA SENDIRI TERMASUKLAH JEPUN, HONG KONG, SINGAPURA, UNITED KINGDOM DAN AMERIKA SYARIKAT.

LAIN-LAIN NEGARA IALAH REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, SCNADINAVIA, PERANCHIS, ITALI, BELANDA DAN SWITZERLAND.
--BERNAMA 1719/BY